

ISU EKSPLOITASI DAN MONOPOLI KE ATAS PENGETAHUAN TRADISI BERKAITAN KEBUDAYAAN DALAM REJIM HARTA INTELEK

Timinah binti Jafar

Nazura Abdul Manap

Abstrak

Eksplotasi yang berlaku dalam undang-undang harta intelek ke atas pengetahuan tradisi berkaitan kebudayaan, kebiasaannya melalui hakcipta dan cap dagangan. Sejarah undang-undang hakcipta bermula di Eropah dengan kewujudan Psalter Ireland kuno dan kemudian wujud *Statute of Anne 1709* di Britain yang dianggap undang-undang hakcipta moden. Hakcipta menjadi perundangan di peringkat antarabangsa apabila wujud Konvensyen Berne 1886. Sejarah undang-undang cap dagangan bermula dengan wujudnya *Trade Marks Registration Act 1875* di England. Cap dagangan menjadi perundangan di peringkat antarabangsa apabila wujud Konvensyen Paris 1883. Kedua-dua konvensyen tersebut telah dibawa masuk ke dalam perjanjian perdagangan pelbagai hala *World Trade Organization* (WTO), semasa berlangsungnya rundingan Pusingan Uruguay pada 1986 dan mewujudkan *Agreement on Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights* (TRIPS). Pemilik hak harta intelek dimiliki secara individu atau oleh entiti tertentu dan ia diwujudkan untuk tujuan komersial dan dilindungi oleh undang-undang. Sebaliknya pengetahuan tradisi adalah harta intelek komuniti tempatan dan peribumi yang berbeza dengan undang-undang harta intelek sedia ada. Pengetahuan tradisi ialah pengetahuan, inovasi dan amalan yang dimiliki oleh komuniti secara bersama, kebiasaannya ia disampaikan secara lisan, dalam bentuk riwayat, nyanyian, cerita rakyat, peribahasa, nilai budaya, kepercayaan, upacara keagamaan, undang-undang tradisi, bahasa tempatan dan lain-lain. Ciri-ciri kewujudannya ialah, dihasilkan melalui pengalaman dari generasi ke generasi, diamalkan oleh masyarakat setempat, menjadi pancaran identiti sosial dan budaya, wujud elemen warisan tradisi yang menjadi hak serta tanggungjawab bersama, dan dicipta bukan untuk tujuan komersial tetapi sebagai panduan dalam urusan keagamaan dan amalan harian yang dipelihara sepanjang masa oleh masyarakat itu sendiri. Pengetahuan tradisi sering dieksploitasi dan dimonopoli kerana tidak dilindungi di bawah undang-undang harta intelek sedia ada khususnya TRIPS. Antara kes yang masyhur dalam isu ini ialah Lego, Deep Forest, Ami Song of Joy, Morning Star Pole, Mutant Message

Down Under dan lain-lain. Aktiviti seperti itu adalah ancaman kepada pengetahuan tradisi kerana ia akan menghakis amalan dalam budaya, adat resam, warisan dan lain-lain dalam komuniti tempatan. Pengetahuan tradisi di Malaysia juga menghadapi cabaran untuk disalahgunakan dan ini akan mencemarkan budaya, adat resam dan keagamaan. Perbincangan yang analitikal dan kritikal meliputi sejarah undang-undang hakcipta dan cap dagangan, perkara-perkara berkaitan pengetahuan tradisi, contoh-contoh eksploitasi yang telah berlaku dan pengetahuan tradisi di Malaysia.

Pengenalan

Isu eksploitasi ke atas pengetahuan tradisi dalam undang-undang harta intelek tidak hanya melalui undang-undang paten, tetapi juga melalui undang-undang hakcipta dan cap dagangan.¹ Pada amnya paten dikaitkan secara langsung dengan bidang teknologi,² umpamanya dalam bidang bioteknologi atau farmaseutikal.³ Manakala eksploitasi ke atas pengetahuan tradisi dalam rejim harta intelek melalui hakcipta dan cap dagangan adalah yang berkaitan kebudayaan, sama ada ia adalah pernyataan atau simbol-simbol atau objek-objek seperti kraf atau nama-nama orang asli atau nyanyian rakyat atau apa-apa yang berkaitan dengan peribumi. Pengetahuan tradisi dalam bentuk kebudayaan terdiri daripada pernyataan kebudayaan tradisional/*traditional culture expression* atau ungkapan budaya rakyat/*folklore*.⁴ Pengetahuan tradisi dalam bentuk ini adalah yang sering dieksploitasi sama ada melalui

¹ *Aboriginal Art and Copyright: An Overview and Commentary Concerning Recent Developments*, Literary and Artists Agency, Golvan Arts. http://www.govanarts.com.au/copyright/aboroginal_art.htm (21 Januari 2013)., B. Bacher, *Facing the Music: Traditional Knowledge and Copyright*. <http://www.wcl.american.edu/hrbrief/12/3bachner.pdf> (21 Jun 2014)., *Examples of Use and Misuse of Indigenous Knowledge, Indigenous/Traditional Knowledge & Intellectual Property*. <http://web.law.duke.edu/cspd/itkpaper3> (19 Jun 2014).

² *Article 27(1) Agreements on Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights, Annex 1C*, (TRIPS). http://www.wto.org/english/tratop_e/trips_e/intel2_e.htm (6 Januari 2016)., *Seksyen 12, Akta Paten Malaysia 1983 (Akta 291)*.

³ A. K. Rai, (Pnyt), *Intellectual Property and Biotechnology*, Edward Elgar Publishing Limited, UK, 2011, hlm. 163-184., S. J. Smyth, A. B. Endres, T. P. Redick dan D. L. Kershen, *Innovation and Liability Biotechnology: Transnational and Comparatives*, Edward Elgar Publishing Limited, UK, 2010, hlm. 141-169., C. Heath dan A. K. Sanders, (Pnyt), *Industrial Property in the Bio-Medical Age: Challengers for Asia*, Kluwer Law International, The Netherland, 2003, hlm. 74-103.

⁴ *Intellectual Property and Traditional Cultural Expressions/Folklore*, World Intellectual Property Organization, WIPO Publication No. 913(E), isbn 92-805-1363-x. http://www.wipo.int/wipo_pub_913.pdf (19 Oktober 2011).

hakcipta atau cap dagangan.⁵ Eksploitasi ke atas pengetahuan tradisi adalah sesuatu yang tidak adil kepada komuniti tempatan dan peribumi yang kebanyakannya tinggal di negara-negara sedang membangun.⁶ *World Intellectual Property Organization* (WIPO) telah menjelaskan bahawa pengetahuan tradisi adalah harta intelek yang dimiliki oleh komuniti tempatan dan peribumi.⁷ Pada kebiasaannya masyarakat yang mengamalkan cara hidup tradisi adalah tergolong daripada masyarakat yang miskin.⁸ Selain itu kebudayaan adalah warisan yang dimiliki oleh komuniti tersebut.⁹ Sekiranya kebudayaan disalahgunakan, ini akan memberi kesan kepada warisan sesuatu komuniti.

Sejarah Undang-Undang Hakcipta dan Cap Dagangan

Sejarah hakcipta bermula dengan kewujudan Psalter Ireland kuno sebuah manuskrip keagamaan Irish lama yang terdapat dalam tulisan Irish dan konsep hakcipta bermula daripada Ireland kuno.¹⁰ *Statutes of the University of Paris* diwujudkan pada 1223 dan pada ketika itu salinan teks untuk digunakan di dalam universiti tidak menjadi kesalahan di bawah undang-undang. Sebelum akhir abad kelima belas karya kesusasteraan kebanyakannya bersifat keagamaan dan ia ditulis oleh ahli agama. Untuk menghasilkan sesebuah karya, ramai pekerja yang berkemahiran diperlukan, dan kegiatan penjiplakan/*plagiarism* terhadap

⁵ L. R. Helfer dan G. W. Austin, *Human Rights and Intellectual Property: Mapping the Global Interface*, Cambridge University Press, USA, 2011, hlm. 461-466., C. B. Graber dan M. B. Nenova, (Pnyt), *Intellectual Property and Traditional Cultural Expressions in a Digital Environment*, Edward Elgar Publishing Limited, UK, 2008, hlm. 6-8.

⁶ D. Z. Johnsson, *The Branding of Traditional Cultural Expressions: To Whose Benefit?*. <http://press.anu.edu.au/wp-content/uploads/2012/ch07.pdf> (16 Jun 2014).

⁷ *Intellectual Property Needs and Expectation of Traditional Knowledge Holders*, WIPO Report on Fact-Finding Missions on Intellectual Property and Traditional Knowledge (1998-1999), Geneva, April 2001, World Intellectual Property Organization. <http://www.wipo.int/pdf>. (14 Ogos 2011).

⁸ D. Matthews, *Intellectual Property, Human Rights and Development: The Role of NGOs and Social Movements*, Edward Elgar, UK, 2011, hlm. 5., D. J. Gervais, (Pnyt), *Intellectual Property, Trade And Development: Strategies to Optimize Economic Development in a TRIPS-Plus Era*, Oxford University Press, New York, 2007, hlm. 17-19., *Intellectual Property Needs and Expectations of Traditional Knowledge Holders*, WIPO Report on Fact-Finding Missions on Intellectual Property and Traditional Knowledge (1998-1999), Geneva, April 2001, World Intellectual Property Organization, hlm. 5. <http://www.wipo.int/part1.pdf> (14 Ogos 2011).

⁹ C. B. Graber dan M. B. Nenova, (Pnyt), *Intellectual Property and Traditional Cultural Expressions in a Digital Environment*, Edward Elgar Publishing Limited, UK, 2008, hlm. 166-171.

¹⁰ D. Rao, *Copyright Law: A Comparative Study*, Global India Publications Pvt Ltd, New Delhi, 2010, hlm.2.

buku-buku seperti itu tidak begitu diberi perhatian. Selain itu itu tidak banyak buku-buku yang dijual secara meluas kerana pada ketika itu masyarakat ramai yang buta huruf, dan buku-buku keagamaan hanya untuk digunakan dalam kalangan biara atau pendeta di gereja.¹¹ Undang-undang hakcipta dalam era moden dianggap bermula apabila wujud *Statute of Anne* di Britain yang digubal pada 1709 dan dikuatkuasakan pada 10 April 1710.¹² Akta tersebut mewujudkan hak pengarang sebagai pemilik ke atas karya beliau dan dia mempunyai hak kepada naskhah tersebut untuk tempoh yang ditetapkan berkaitan hakcipta berkenaan.¹³ Konvensyen Berne telah diwujudkan pada 1886 untuk mengiktiraf hakcipta di peringkat antarabangsa dengan tujuan untuk digunakan oleh semua negara-negara yang berkontrak.¹⁴ Konvensyen Berne adalah di bawah TRIPS yang ditadbir oleh WTO.¹⁵ Fungsi undang-undang hakcipta bukan untuk melindungi reputasi perniagaan atau peribadi ataupun untuk menghalang persaingan perniagaan atau profesional.¹⁶ Ia kadangkala boleh juga digunakan untuk tujuan seumpama itu tetapi kegunaannya dalam keadaan kebetulan sekiranya penulis atau penerbit ingin mengambil tindakan undang-undang. Oleh hal yang demikian, tiada pelanggaran hakcipta untuk meniru atau menyerupai gaya kesusasteraan pengarang, atau mengambil tajuk salah satu daripada buku-bukunya atau untuk menulis buku tentang watak rekaan. Walaupun perkara tersebut mungkin menyalahi undang-undang atas sebab-sebab lain sekiranya orang tersilap menyangka bahawa dia bertanggungjawab kerana meniru. Begitu

¹¹ D. I. Bainbridge, *Intellectual Property*, Edisi Ketujuh, Pearson Education Limited, England, 2009, hlm. 33.

¹² R. Renolds dan N. Stoianoff, *Intellectual Property: Text and Essential Cases*, Edisi Kedua, The Federation Press, 2005, hlm. 7

¹³ D. Rao, *Copyright Law: A Comparative Study*, Global India Publications Pvt Ltd, New Delhi, 2010, hlm.2., R. Reynolds dan N. Stoianoff, *Intellectual Property: Text and Essential Cases*, Edisi Kedua, The Federation Press, Australia, 2005, hlm. 7-11.

¹⁴ *Bern Convention for the Protection of Literary and Artistic Works*. <http://www.wipo/int> (10 Oktober 2011)., *Overview: the TRIPS Agreement, TRIPS: A More Detailed Overview of the TRIPS Agreement*. http://www.wto.org/english/tratop_e/trips_e/intel2_e.htm (10 Oktober 2011)., P. V. D. Bossche, *The Law and Policy of the World Trade Organization: Text, Cases and Materials*, Edisi Kedua, Cambridge University Press, UK, 2008, hlm. 742-748., D. Vaver dan L. Bently, (Pnyt), *Intellectual Property In The New Millennium: Essays in Honour of William R. Cornish*, Cambridge University Press, 2004, hlm. 217-233.

¹⁵ *TRIPS: Agreement on Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights*. http://www.wto.org/english/tratop_e/trips_e/t_e.htm (22 April 2011)., M. Matsushita dan D. Ahn, (Pnyt), *WTO and East Asia: New Perspectives*, Cameron May Ltd, London, 2004, hlm. 21-23., C. Arup, *The World Trade Organization Knowledge Agreements*, Edisi Kedua, Cambridge University Press, UK, 2008, hlm. 299-304.

¹⁶ *Time-Life International (Netherlands) BV v Interstate Parcel Express Co Pty Ltd* [1978] FSR 251.

juga, tidak ada pelanggaran hakcipta jika satu pihak menyalin nama jenama firma lain atau salah satu daripada slogan pengiklanan mereka. Sebaliknya walaupun slogan pengiklanan tidak mewujudkan hakcipta tetapi brosur iklan yang lengkap mungkin boleh dianggap sebagai karya kesusasteraan dan menepati kriteria hakcipta.¹⁷

Sejarah undang-undang cap dagangan bermula dengan kewujudan *Trade Marks Registration Act 1875* di England.¹⁸ Undang-undang cap dagangan ini dipinda dari masa ke semasa dan berterusan sehingga 1994. Undang-undang cap dagangan yang dipinda pada 1994 telah dimasukkan ke dalam Konvensyen Paris 1883 untuk menjadi undang-undang di peringkat antarabangsa.¹⁹ Konvensyen Paris adalah di bawah TRIPS yang ditadbir oleh WTO. Penyalahgunaan cap dagangan terawal didapati dalam kes *Souther v How*²⁰ dan *Sykes v Sykes*²¹ yang menjadi prinsip asas dalam undang-undang cap dagangan.²² Cap dagangan ialah cap atau gabungan cap yang membezakan barangan atau perkhidmatan dalam urusan perniagaan.²³ Cap yang digunakan mungkin dalam bentuk perkataan-perkataan, huruf-huruf, gambar-gambar, bentuk-bentuk dan warna-warna, dan juga apa-apa gabungan tersebut.

¹⁷ P. Drahos, *The International Library of Essays in Law & Legal Theory*, Edisi Kedua, Dartmouth Publishing Company Limited, England, 1999, hlm. 206-270., T. A. Blanco White dan R. Jacob, *Patents, Trade Marks, Copyright and Industrial Designs*, Edisi Ketiga, Sweet & Maxwell Limited, London, 1986, hlm. 150-153.

¹⁸ D. P. Mittal, *Trade Marks, Passing Off & Geographical Indications of Goods: Law and Procedure*, Texmann Allied Services (P.) Ltd, 2002, hlm. 1.5.

¹⁹ P. Torremans, *Holyoak and Torremans Intellectual Property Law*, Edisi Keempat, Oxford University Press, 2005, hlm. 29.

²⁰ *Souther v How* (1618) popham 144.

²¹ *Sykes v Sykes* (1884) 3 B & C 541.

²² D. I. Bainbridge, *Intellectual Property*, Edisi Ketujuh, Pearson Education Limited, England, 2009, hlm. 628-631., D. P. Mittal, *Trade Marks, Passing Off & Geographical Indications of Goods: Law and Procedure*, Taxamann Allied Services (P.) Ltd, India, 2002, hlm. 1.2., T. B. Kwang, *Trade Mark Law and Practice in Malaysia*, LexisNexis, Singapura, 2001, hlm. 24., P. Torremans, *Holyoak and Torremans Intellectual Property Law*, Edisi Keempat, Oxford University Press, New York, 2005, hlm. 363-364., A. Firth, G. Lea, P. Cornford dan K. Lingren, *Trade Marks: Law and Practice*, Edisi Kedua, Jordan Publishing Limited, Bristol, 2005, hlm. 39-40., D. Lindsay, *International Domain Name Law: ICANN and the UDRP*, Hart Publishing, 2007, hlm. 173-174., S. Ricketson, *Intellectual Property: Cases, Materials and Commentary*, Butterworth, Australia, 1994, hlm. 889-892.

²³ *Article 15 TRIPS*. http://www.wto.org/english/tratop_e/trips_e/t_e.htm (22 April 2011).

Perlindungan cap dagangan dikuatkuasakan oleh mahkamah. Undang-undang ini diwujudkan untuk menyekat perlanggaran cap dagangan.²⁴ Cap dagangan diwujudkan hanya untuk keperluan perdagangan.²⁵

Perkara Asas Berkaitan Pengetahuan Tradisi

Pengetahuan tradisi seperti yang dinyatakan oleh WIPO merangkumi perkara-perkara seperti berikut; tradisi yang berasaskan kepada karya-karya kesusasteraan, artistik dan saintifik, persembahan, penciptaan, penemuan saintifik, reka bentuk, tanda, nama dan simbol, maklumat yang tidak didedahkan, dan semua tradisi yang berasaskan inovasi dan ciptaan hasil daripada kegiatan aktiviti intelektual dalam bidang industri, saintifik, kesusasteraan dan artistik. Pengetahuan tradisi dalam bentuk ungkapan budaya rakyat/*expression of folklore* termasuk muzik, tarian, nyanyian, kraf tangan, reka bentuk, penceritaan, karya seni, elemen-elemen bahasa seperti nama, petunjuk geografi dan simbol, serta harta kebudayaan alih/*movable cultural property*. Ia juga termasuk seperti tinggalan manusia/*human remains*, keseluruhan bahasa-bahasa dan elemen-elemen lain yang serupa dengan warisan dalam maksud yang luas.²⁶ Definisi lain seperti yang dinyatakan oleh *The International Centre for Integrated Mountain Development (ICIMOD)*, pengetahuan tradisi ialah pengetahuan, inovasi dan amalan komuniti tempatan dan peribumi di seluruh dunia. Pengetahuan tersebut telah lama diamalkan dan ia berkembang dalam budaya masyarakat setempat dengan cara diwarisi dari jenerasi ke generasi. Ia dimiliki secara kolektif dan diwarisi dalam bentuk riwayat, nyanyian, cerita rakyat, peribahasa, nilai budaya, kepercayaan, upacara keagamaan, undang-undang komuniti, bahasa tempatan dan amalan pertanian termasuk cara membangunkan spesies tumbuhan dan membiakkan haiwan dan lain-lain aktiviti pertanian.²⁷

²⁴ *Understanding Industrial Property*, World Intellectual Property Organization, hlm. 12-14. http://www.wipo.int/wipo_pub_895.pdf (19 Oktober 2011).

²⁵ *Article 20 TRIPS*. http://www.wto.org/english/tratop_e/trips_e/t_e.htm (22 April 2011).

²⁶ *Terminology, WIPO Report on Fact-Finding Missions on Intellectual Property and Traditional Knowledge* (1998-1999), Intellectual Property Needs And Expectation Of Traditional Knowledge Holders, Terminology, World Intellectual Property Organization, Geneva, April 2001, hlm. 25. <http://www.wipo.int/part1.pdf> (14 Ogos 2011).

²⁷ *Indigenous and Traditional Knowledge*, The International Centre for Integrated Mountain Development ICIMOD. <http://www.icimod.org/?q=1248> (9 Mei 2011).

Ungkapan budaya rakyat merujuk tafsiran di bawah seksyen 2, “*UNESCO-WIPO Model Provisions for National Laws on the Protection of Expressions of Folklore Against Illicit Exploitation and Other Prejudicial Actions of 1982*”, adalah seperti berikut; ungkapan budaya rakyat bermaksud ciptaan yang terdiri daripada elemen-elemen bersifat warisan artistik tradisional yang dibangunkan dan dipelihara oleh komuniti atas nama negara atau daripada cerminan individu yang mengamalkan artistik tradisional dalam komuniti tersebut. Elemen-elemen tersebut ialah;

- (i) ungkapan lisan seperti cerita rakyat, puisi rakyat dan seloka rakyat,
- (ii) ungkapan muzik seperti nyanyian rakyat dan muzik instrumental,
- (iii) ungkapan secara gerakan seperti tarian rakyat, permainan dan bentuk atau ritual artistik,
- (iv) ungkapan ketara seperti ciptaan seni rakyat, khususnya seni lukis, seni ukir, arca, tembikar, mozek, pertukangan kayu, bekas logam, barang kemas, bakul anyaman, hasil jahitan, tekstil, permaidani, pakaian dan peralatan muzik.²⁸

Manakala sifat-sifat pengetahuan tradisi seperti yang dinyatakan dalam buku kecil WIPO “*Intellectual Property and Traditional Cultural Expression/Folklore*” ialah seperti berikut;

- (i) disampaikan dari satu generasi ke generasi, sama ada secara lisan atau meniru gaya,
- (ii) menjadi pancaran identiti sosial dan budaya komuniti,
- (iii) wujud elemen-elemen bersifat warisan komuniti,
- (iv) dicipta oleh pengarang yang tidak diketahui dalam komuniti, dan dimiliki secara kolektif di mana seluruh masyarakat tersebut mempunyai hak dan tanggungjawab secara bersama,
- (v) pada kebiasaannya dicipta bukan untuk tujuan komersial, tetapi sebagai panduan untuk urusan keagamaan dan peraturan kehidupan dalam komuniti.

²⁸ *Model Provisions for National Laws on the Protection of Expressions of Folklore Against Illicit Exploitation and Other Prejudicial Actions*. www.wipo.int/export/sites/www/tk/en/folklore/1982-folklore-model-provision.pdf. (5 Mei 2016), *Traditional Knowledge – Operational Terms and Definitions*, Intergovernmental Committee on Intellectual Property and Genetic Resources, Traditional Knowledge and Folklore, Third Session, Geneva, June 13 to 21, 2002, Annex II, World Intellectual Property Organization, WIPO/GRTKF/3/9, hlm 14. http://www.wipo.int/wipo_grtkf_ic_3_9.pdf (14 Ogos 2011).

(vi) sentiasa dicipta, dikembangkan dan dimajukan dalam komuniti.²⁹

Pengetahuan tradisi menjadi amalan dalam kalangan komuniti tempatan dan peribumi yang kebanyakannya tinggal di negara-negara sedang membangun atau negara dunia ketiga yang pernah dijajah oleh kuasa negara Barat³⁰, seperti negara Malaysia dan India yang pernah dijajah oleh British.

Isu Eksploitasi dan Monopoli Ke atas Pengetahuan Tradisi

TRIPS adalah undang-undang harta intelek antarabangsa yang diwujudkan dalam perjanjian Pusingan Uruguay 1986-94. Dalam perjanjian tersebut harta intelek teras iaitu Konvensyen Paris dan Konvensyen Berne yang sebelum itu di bawah pentadbiran WIPO, telah dibawa masuk ke dalam sistem perdagangan pelbagai hala GATT/WTO. Perjanjian TRIPS adalah sebahagian daripada WTO dalam senarai *Agreement Establishing the World Trade Organization* di bawah Lampiran 1C/Annex 1C³¹ dan ia telah mengikat semua negara walaupun negara tersebut bukan anggota WTO atau sebaliknya negara anggota WTO tetapi bukan anggota kepada konvensyen Paris atau Berne. TRIPS tidak melindungi pengetahuan tradisi, sebaliknya TRIPS melindungi penyalahgunaan pengetahuan tradisi dalam harta intelek melalui hakcipta dan cap dagangan. Ini adalah kerana sifat semula jadi pengetahuan tradisi yang tidak memenuhi kriteria untuk dilindungi di bawah undang-undang harta intelek. Sebaliknya pihak ketiga yang menghasilkan ciptaan mereka dengan menyalahgunakan pengetahuan tradisi dalam apa-apa cara boleh dan telah dilindungi di bawah undang-undang harta intelek.

Merujuk kepada kes-kes yang berkaitan yang telah berlaku, fakta menunjukkan pengetahuan tradisi yang berkaitan kebudayaan telah dieksploitasi dan dimonopoli dalam undang-undang harta intelek melalui hakcipta atau cap dagangan. Antara kes-kes tersebut

²⁹ *Intellectual Property and Traditional Cultural Expressions/Folklore*, Booklet No.1, WIPO Publication No.913(E), isbn 92-805-1363-x, World Intellectual Property Organization, hlm. 5. <http://www.wipo.int/ebookshop> (19 Oktober 2011).

³⁰ R. Manley, *Developmental Perspectives on the TRIPS and Traditional Knowledge Debate*, MqJICEL (2006) Vol 3, HeinOnline. <http://heinonline.org> (13 September 2012).

³¹ *The multilateral trading system-past, present and future*, The WTO in Brief: Part 1, World Trade Organization. http://www.wto.org/english/thewto_e/whatis_e/inbrief_e.htm (10 Oktober 2011)., *Intellectual property: protection and enforcement*, Understanding the WTO: The Agreements, World Trade Organization. http://www.wto.org/english/thewto_e/whatis_e/tif_e/agrm7_e.htm (10 Oktober 2011)., *WTO legal texts*, World Trade Organization. http://www.wto.org/english/wto_e/legaltexts_e.htm (27 Mac 2011).

ialah Lego,³² Deep Forest,³³ Ami Song of Joy atau Return to Innocence,³⁴ simbol matahari keagamaan orang Zia Mexico,³⁵ Morning Star Pole,³⁶ kisah dalam buku *Mutant Message Down Under*,³⁷ Mohawk, Haida, Chakokee, tapees, tomahawks³⁸ dan lain-lain yang melibatkan kebudayaan peribumi. Akibat daripada penyalahgunaan tersebut telah mencemar keagamaan atau kepercayaan yang dianuti atau mencabuli integriti komuniti tempatan, dan ia berlaku di seluruh dunia. Kebudayaan tradisional sering disalahgunakan atau dilesapkan untuk tujuan dalam bidang perniagaan oleh pihak ketiga sama ada didaftarkan sebagai cap dagangan atau digunakan untuk memperkenalkan syarikat tertentu.³⁹

³² C. Heath dan A. K. Sanders, (Pnyt), *Landmark Intellectual Property Cases and Their Legacy: IEEM International Intellectual Property Conferences*, Kluwer Law International, The Netherlands, 2011, hlm. 137-138., J. Rosenberg, *LEGO Toy Bricks First Introduced*, 20th Century History, About.com. <http://history1900s.about.com/od/1950s/qt/lego.htm> (19 Jun 2014)., *Culture and Society*, Curiosity.com. <http://curiosity.discovery.com> (19 Jun 2014)., *LEGO*, Great Inventions-Great Inventors, Education For The Information Age, EDinformatics. <http://www.edinformatics.com/inventions-inventors/lego.htm> (19 Jun 2014)., *Innovation Almost Bankrupted LEGO-Until It Rebuilt with a Better Blueprint*, Innovation, Knowledge @ Wharton, University of Pennsylvania, Wharton. <http://knowledge.wharton.upenn.edu/article/innovation> (19 Jun 2014).

³³ *Deep Forest*, Taylor's University, Last.fm. <http://www.last.fm/music/Deep+Forest> (21 Jun 2014).

³⁴ *Enigma Return To Innocence*, Datingenigma.com. <http://www.datingenigma.com> (5 Februari 2013).

³⁵ *Zia Sun Sign*, Pueblo Indians, Zia Pueblo Indians. http://facweb.cs.depaul.edu/sgrais/zia_sun_sign.htm (21 Januari 2013).

³⁶ *Aboriginal Art and Copyright*, An Overview and Commentary Concerning Recent Developments, Literary and Artist Agency, Golvan Arts. http://www.golvanarts.com/au/copyright/aboriginal_art.htm (21 Januari 2013).

³⁷ C. Sitka (Napaltjarri), *Morgan's Mutant Fantasy*, A critique of Marlo Morgan's book *Mutant Message Down Under*, ISP for the home internet user and business, West Australia. <http://www.west.com.au/review/morgan> (9 Februari 2014)., *Marlo Morgan – Mutant Message Down Under: Timeline*, *Mutant Message* is a highly dispute book. Here is a timeline of the events, including M. Morgan's apology to the Aboriginal people, Creative spirits. <http://www.creativespirits.infor> (9 Februari 2014)., M. Morgan, *Mutant Message Down Under, Tenth Anniversary Edition*, Amazon. <http://www.amazon.com/mutant-message-under-Anniversary-Editiondp/0060723513> (9 Februari 2014).

³⁸ J. M. Gowan, *What's in a Name? Can Native Americans Control Outsiders' Use of their Tribal Names?*, Partnering with indigenous People to Defend their Lands, Languages, and Cultures, Cultural and Survival. <http://www.culturalsurvival.org/publications/cultural-survival-quarter/united-states> (7 Februari 2014).

³⁹ *Zia Sun Sign*. http://facweb.cs.depaul.edu/sgrais/zia_sun_sign.htm (21 Januari 2013).

Kegiatan seperti itu juga berlaku dalam bentuk hakcipta. Karya yang ditiru daripada kebudayaan tradisional boleh mendapat perlindungan di bawah hakcipta.⁴⁰ Karya yang ditiru itu dianggap idea pengarang tersebut walaupun karya itu secara terang telah disalahgunakan seperti penceritaan dalam *Mutant Message Down Under*.⁴¹ Ini adalah kerana karya tersebut dianggap keaslian pernyataan idea pengarangnya.⁴² Undang-undang hakcipta melindungi keaslian pernyataan idea pengarangnya, walaupun karya yang dihasilkan itu telah merendahkan martabat kaum peribumi, dan ini tidak menjadi isu dalam undang-undang hakcipta. Contohnya fakta tentang penceritaan dalam buku *Mutant Message Down Under* adalah mencabuli integriti orang asli, tetapi boleh dilindungi oleh undang-undang hakcipta.⁴³ Fakta itu dibuktikan apabila pengarang buku tersebut mengaku bahawa hasil karya beliau telah memperolok-olokkan orang asli Australia.⁴⁴ Penyalahgunaan yang berlaku akan mencemarkan keagamaan atau kepercayaan yang dianuti dan juga mencemarkan integriti komuniti tempatan dan peribumi, kerana kebudayaan tradisi adalah berkaitan keagamaan dan cerminan identiti masyarakat. Dalam kes *Bulun Bulun v R & T Textile Pty Ltd*,⁴⁵ mahkamah diberitahu bahawa pengetahuan tradisi yang disalahgunakan akan merosakkan perhubungan antara pemegang amanah ke atas adat resam dan kebudayaan dengan orang asli dan keturunan mereka. Selain itu dalam jangka panjang aktiviti seperti ini akan menghakis budaya adat resam komuniti tempatan dan kaum orang asli.⁴⁶

⁴⁰ Bachner, *Facing the music: Traditional Knowledge and Copyright*. <http://www.wcl.american.edu/hrbrief/12/3bachner.pdf> (21 Jun 2014)., *An Explanation of the Claims and Legal Issues Involved in the Dispute between Spinal Tap and the makers of Lego Toys*, Accurate Essays. <http://www.accurateessays.com> (19 Jun 2014).

⁴¹ C. Sitka (Napapaltjarri), *Morgan's Mutan Fantasy: A critique of Morgan's book Mutant Message Downunder*, West online-Australia-ISP for home internet user and business. <http://www.west.com.au/reviews/morgan> (11 Jun 2017).

⁴² *Article 9(2) TRIPS*. http://www.wto.org/english/tratop_e/trips_e/t_e.htm (22 April 2011)., K. L. Tee, *Copyright Law in Malaysia*, Edisi Ketiga, LexisNexis Singapore Pte Ltd, 2008, hlm. 18.

⁴³ S. Ragavan, *Protection of Traditional Knowledge*, Minnesota Intellectual Property Law Review, Vol 2, No.2, 2001, University of Oklahoma Law Center. <http://www.law.ou.edu/faculty/facfile.pdf> (28 September 2011).

⁴⁴ Marlo Morgan – *Mutant Message Down Under: Timeline*, Mutant Message is a highly dispute book. Here is a timeline of the events, including M. Morgan's apology to the Aboriginal people, Creative spirits. <http://www.creativespirits.infor> (9 Februari 2014).

⁴⁵ *Bulun Bulun and Another v R & T Textiles Pty Ltd* (1998) 157 A.L.R. 193.

⁴⁶ S. Ragavan, *Protection of Traditional Knowledge*, University of Oklahoma Law Center, Social Science Research Network. [http://papers.ssrn.com/SSRN-id310680\(1\).pdf](http://papers.ssrn.com/SSRN-id310680(1).pdf) (28 September 2011).

Pengetahuan tradisi pada dasarnya tidak digunakan oleh komuniti tempatan dan peribumi dalam urusan perniagaan atau perdagangan.⁴⁷ Kebanyakan publisiti yang dibuat tanpa kebenaran dengan menggunakan perkataan-perkataan, reka bentuk dan simbol-simbol tradisional boleh didapati di serata tempat di dunia. Dalam keadaan tertentu komuniti tempatan bimbang sesetengah cap dagangan yang ditiru daripada kebudayaan tradisional adalah menjelikkan dan merendahkan martabat mereka. Pada kebiasaannya mereka sendiri mungkin melarang untuk menggunakan undang-undang cap dagangan bagi melindungi pengetahuan tradisi mereka. Cap dagangan digunakan untuk membezakan produk dari satu syarikat dengan syarikat yang lain. Komuniti tempatan dan peribumi bimbang apabila pengetahuan tradisi digunakan sebagai cap dagangan untuk memperkenalkan produk komersial sebagai asli. Penggunaan tanpa kebenaran daripada komuniti tersebut berpotensi menyebabkan kekeliruan dalam fikiran pengguna yang menganggap produk tersebut benar-benar tulen daripada mereka.⁴⁸ Pencerobohan ke atas pengetahuan tradisi yang kerap berlaku dengan cara disalahgunakan, dieksploitasi, dicatitkan atau dilesapkan telah menjadi ancaman kepada kebudayaan tradisi dengan wujudnya konsep ungkapan original.⁴⁹

Warisan Kebudayaan di Malaysia

Pengetahuan tradisi dalam bentuk warisan kebudayaan di Malaysia boleh dibahagikan kepada beberapa kelompok.⁵⁰ Antara kelompok tersebut ialah; (i) mitos dan lagenda yang terdiri daripada kebudayaan orang asli, lagenda tempat-tempat tertentu, mitos keris, manuskrip lama dan lain-lain. (ii) tarian dan muzik antaranya ialah gamelan dan rebana ubi, silat dalam tarian tradisional, tarian lilin, joget, datun jalud, dabus, sapee dan sompoton. (iii) teater antaranya ialah wayang kulit, mekmulung, dikir barat, makyung, rodan, hamdolok dan boria. (iv) ketukangan (kraf), antaranya ialah seni membuat keris, seni membuat batik, seni membuat

⁴⁷ D. E. Long, *Traditional Knowledge and The Fight for the Public Domain*, The John Marshall Review of Intellectual Property Law. HeinOnline-5J.Marshall Rev. Intell. Prop. L. 2005-2006. <http://heinonline.org> (13 September 2012).

⁴⁸ S. Frankel, *Trademarks and Traditional Knowledge and Cultural Intellectual Property Rights*, Victoria University of Wellington, Social Science Research Network. <http://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm> (28 September 2011).

⁴⁹ *Article 2, Berne Convention* dan *Article 9* dan *Article 15*, TRIPS.

⁵⁰ *Myth & Legend*, Malaysia. <http://www.georgraphia.com/malaysia/myth.html> (14 Mac 2012)., Norliza Rofli, *Siri Mengenal Budaya 1/2003*, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia, Kuala Lumpur, 2003.

layang-layang, seni anyaman dan seni ukiran kayu. (v) Permainan dan hiburan masa lapang, antaranya menerbangkan layang-layang, permainan gasing, silat seni mempertahankan diri dan permainan tradisi sepak takraw. (vi) warisan tradisional yang lain antaranya cara menyediakan makanan tradisional dengan tidak menggunakan bahan kimia.

Pengetahuan tradisi adalah harta intelek yang dimiliki oleh komuniti tempatan. Manuskrip lama adalah pengetahuan tradisi dalam bentuk warisan kebudayaan. Ia merupakan tinggalan yang sangat bernilai dan menjadi khazanah warisan negara. Sebahagian daripada manuskrip lama berada dalam negara, manakala sebahagian lagi telah dibawa pulang oleh penjajah ke negara mereka.⁵¹ Antaranya ialah manuskrip lama seperti balada Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah Kedah.⁵² Manuskrip tersebut berada di negara lain dan tertakluk di bawah bidang kuasa undang-undang yang berbeza. Persoalannya sekiranya manuskrip tersebut disalahgunakan oleh pihak-pihak tertentu dengan menyelewengkan fakta sehingga mencemarkan maruah bangsa, apa yang boleh dilakukan oleh negara dan kerajaan?. Ini perlulah difikirkan kerana bukan mudah untuk mengambil tindakan disebabkan ia berada di bawah bidang kuasa negara lain.

Cabaran Pengetahuan Tradisi Di Malaysia

Pengetahuan tradisi di Malaysia juga menghadapi cabaran disalahgunakan. Seperti yang telah dijelaskan bahawa pengetahuan tradisi ialah harta intelek yang dimiliki oleh komuniti tempatan dan peribumi. Elemen bahasa ialah sebahagian daripada pengetahuan tradisi. Bahasa Melayu telah termaktub dalam perlembagaan sebagai bahasa kebangsaan. Bahasa Melayu berdepan dengan cabaran apabila digunakan dengan cara yang tidak betul sehingga menyebabkan pencemaran bahasa yang begitu berleluasa. Ini telah dijelaskan oleh pihak Dewan Bahasa dan Pustaka.⁵³ Terjemahan dari bahasa lain ke bahasa Melayu yang dilakukan secara tidak bertanggungjawab telah mengubah maksud sehingga kadang-kadang memberi maksud yang menjelikkan. Contohnya iklan untuk jawatan kosong diterjemahkan daripada

⁵¹ *A Malay ballad from Kedah: the naval battle for Phuket*, Asian and African studies blog, British Library, 19 Februari 2014. <http://britishlibrary.typepad.co.uk/services/blog/search> (8 Disember 2014).

⁵² *The seal of Sultan Ahmad Tajuddin Halim Syah of Kedah*, A Malay ballad from Kedah: the naval battle for Phuket, Asian and African studies blog, British Library, 19 Februari 2014. <http://britishlibrary.typepad.co.uk/sevices/blog/search> (8 Disember 2014).

⁵³ *Pantau Tegur Bahasa*, Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://www.dbp.gov.my/lamandbp/main.php> (4 Disember 2014).

bahasa Inggeris seperti perkataan “*Sales girls wanted*” diterjemahkan ke bahasa Melayu menjadi “Penjual gadis”. Maksud “Penjual gadis” dalam bahasa Melayu ialah orang yang menjual gadis atau wanita yang boleh membawa maksud orang yang menjalankan penjualan gadis atau wanita untuk tujuan aktiviti tidak bermoral. Ini merupakan pencabulan integriti bahasa Melayu. Contoh lain ialah menggabungkan bahasa Melayu dengan bahasa lain, kebiasaannya digabungkan dengan bahasa Inggeris⁵⁴. Contohnya pemedang yang mengajak orang ramai yang dipamerkan di tempat awam ditulis dengan perkataan “Jom Join Kami Persatuan Library”. Perkataan seperti ini juga telah mencemarkan integriti bahasa Melayu kerana gabungan bahasa tersebut telah menghasilkan bahasa yang tidak sesuai sama sekali. Di bawah undang-undang hakcipta bentuk pengiklanan tidak dilindungi oleh undang-undang.

Walaupun elemen bahasa adalah sebahagian daripada harta intelek dalam pengertian pengetahuan tradisi,⁵⁵ tetapi di bawah undang-undang harta intelek sedia ada penggunaan bahasa yang tidak betul bukan menjadi isu. Ini adalah kerana elemen bahasa bukan perkara subjek yang dilindungi dibawah undang-undang harta intelek sedia ada, sama ada oleh hakcipta atau cap dagangan. Dalam undang-undang hakcipta Malaysia, tidak ada peruntukan untuk menyekat mana-mana pihak menggunakan bahasa yang tidak betul, sehingga boleh mencemarkan bahasa Melayu yang menjadi bahasa kebangsaan untuk negara Malaysia. Bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan apabila digunakan secara salah dalam iklan di tempat awam ia akan mencemarkan bahasa tersebut.⁵⁶ Pihak lain yang tidak mahir bahasa Melayu akan menyangka bahawa bahasa yang salah yang dipamerkan di tempat awam itu adalah bahasa kebangsaan negara Malaysia. Sebaliknya masyarakat tempatan menganggap sesuatu yang menjelikkan.

⁵⁴ *Pencemaran Bahasa Kebangsaan*, Blog Rasmi, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, 22 September 2014. <http://smp.townplan.gov.my/p=8217> (4 Disember 2014).

⁵⁵ *WIPO Report on Fact-Finding Missions on Intellectual Property and Traditional Knowledge (1998-1999)*, Intellectual Property Needs and Expectations of Traditional Knowledge Holders, WIPO, Geneva, April 2001, hlm. 25. <http://www.wipo.int/part1.pdf> (14 Ogos 2011).

⁵⁶ *Antara Ciri Pencemaran Bahasa*, Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://dbp.gov.my/lamandbp/main.php> (4 Disember 2014)., *Pantau Tegur Bahasa*, Dewan Bahasa dan Pustaka. <http://dbp.gov.my/lamandbp/main.php> (4 Disember 2014)., *Pencemaran Bahasa Kebangsaan*, Blog Rasmi, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, 22 September 2014. <http://smp.townplan.gov.my/p=8217> (4 Disember 2014)., *B. Melayu tidak rosak tetapi dirosakkan*, Membincangkan isu masyarakat, KL-TODAY.COM. <http://www.kl.today.com/2011/06/b-melayu-tidak-rosak-tetapi-dirosakkan> (4 Disember 2014).

Gambar menunjukkan pencemaran bahasa Melayu.



Gambar rajah 1: KL-TODAY.COM ⁵⁷



Gambar rajah 2: Blog Rasmi Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia ⁵⁸

Selain bahasa, muzik tradisional juga dalam kategori pengetahuan tradisi. Muzik tradisional adalah sebahagian daripada kebudayaan komuniti tempatan.⁵⁹ Antara muzik tradisional yang terdapat di Malaysia ialah dikir barat. Persembahan dikir barat juga tidak lagi asli apabila ia dicemari dengan unsur-unsur asing. Utusan online melaporkan bahawa, dikir barat telah dicemari oleh elemen asing sehingga menjejaskan keasliannya. Pihak yang membuat persembahan telah membawa masuk muzik moden seperti kaedah *minus one*, menampilkan tukang nyanyi wanita, konsert rock dan dangdut. Unsur-unsur begini akan melenyapkan kegemilangan seni yang diwarisi dan mencemarkan warisan budaya komuniti tempatan.⁶⁰ Berita tersebut juga menyatakan, sebanyak 98 peratus dikir barat telah hilang keasliannya selepas struktur persembahannya bercampur aduk dengan unsur-unsur yang tidak sepatutnya. Unsur-unsur yang dimaksudkan ialah, dari segi muzik terselit unsur rock,

⁵⁷ B. *Melayu tidak rosak tetapi dirosakkan*, Membincangkan isu masyarakat, KL-TODAY.COM. <http://www.kl-today.com/2011/06/b-melayu-tidak-rosak-tetapi-dirosakkan> (4 Disember 2014).

⁵⁸ *Pencemaran Bahasa Kebangsaan*, Blog Rasmi, Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Semenanjung Malaysia, 22 September 2014. <http://smp.townplan.gov.my/p=8217> (4 Disember 2014).

⁵⁹ Norliza Rofli, *Siri Mengenal Budaya Dikir Barat (3)*, Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia (Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan Kesenian), Kuala Lumpur, 2003.

⁶⁰ *KDBK anjur road show persembahan dikir barat*, Utusan Online, Timur, Arkib, 1/08/2011. <http://ww1.utusan.com.my/utusan/info.asp> (3 Disember 2014).

dangdut, rap dan sebagainya yang tidak pernah ada dalam sejarah keaslian permainan dikir barat.⁶¹

Di bawah undang-undang hakcipta persembahan seperti itu telah dianggap memenuhi kriteria yang diperlukan oleh undang-undang. Karya itu akan dilindungi oleh undang-undang, walaupun muzik tradisional itu telah diselewengkan daripada amalan tradisi yang sebenar oleh pihak yang bukan penggiat tradisional, sehingga mencemarkan keaslian dan menghilangkan struktur asalnya. Karya itu dianggap ciptaan oleh pengarang tersebut dan karya itu adalah asli daripada pengarangnya. Karya seperti itu akan dilindungi di bawah seksyen 3(a)(iv) undang-undang hakcipta Malaysia, “persembahan secara langsung” berhubung dengan pengungkapan cerita rakyat.⁶²

Pengetahuan tradisi yang terdiri daripada simbol-simbol mempunyai hubungan dengan keagamaan, adat resam dan kepercayaan kuno.⁶³ Ia tidak sesuai digunakan sebagai cap dagangan untuk tujuan perniagaan. Walau bagaimanapun, simbol-simbol yang berkaitan keagamaan juga telah disalahgunakan. Contohnya, produk-produk yang menggunakan simbol masjid untuk tujuan melariskan produk dalam pasaran. Simbol masjid adalah berkaitan dengan tempat ibadat orang Islam. Simbol yang berkaitan dengan keagamaan atau kepercayaan adalah berkait rapat dengan kesucian dan rahsia yang tersirat/*sacred and secret*. Penggunaan simbol keagamaan seperti masjid tidak boleh dibenarkan untuk tujuan perniagaan kerana ia akan mencemarkan kesucian agama Islam. Lambang berkaitan keagamaan mempunyai nilai dan kesucian yang berkaitan agama tersebut. Penggunaan yang tidak bersesuaian oleh pihak yang tidak memahami tentang kesuciannya, kemungkinan akan membawa kepada penghinaan dan merendahkan martabat agama tersebut. Selain itu, penggunaan simbol masjid akan mengelirukan pengguna yang beragama Islam yang mempercayai produk itu dikeluarkan oleh orang Islam tetapi sebenarnya tidak.⁶⁴ Di bawah

⁶¹ *Cadang tubuh akademi sebagai usaha kekalkan keaslian dikir barat*, Utusan Online, timur, Arkib, 12/07/2013. <http://www.utusan.com.my/utusan/Timur/20130712> (3 Disember 2014).

⁶² Seksyen 3, Akta Hakcipta 1987 (Akta 332). “persembahan secara langsung”, (a) termasuklah, (vi) persembahan berhubung dengan pengungkapan cerita rakyat, yang disampaikan secara langsung oleh seorang atau lebih di Malaysia, sama ada di hadapan penonton atau selainnya.

⁶³ D. Gervais, *The TRIPS Agreement: Drafting History and Analysis*, Edisi Kedua, Sweet & Maxwell Limited, London, 1998, hlm. 60.

⁶⁴ *Jenama Alternatif Islam: Faiza*, Memperkasa Ekonomi Ummah, 2014 MukminBrands. <http://www.mukminbrands.com/2014/04/17> (2 Disember 2014).

undang-undang cap dagangan, sama ada di bawah peraturan 13, 13A, 13B, 14 atau 15, simbol masjid tidak termasuk simbol yang tidak dibenarkan.⁶⁵ Antara produk yang menggunakan simbol masjid ialah bahun seperti yang dilaporkan oleh Sinar Harian.⁶⁶ Selain itu produk lain yang menggunakan simbol masjid ialah teh,⁶⁷ beras,⁶⁸ susu⁶⁹ dan sos⁷⁰ seperti yang dilaporkan oleh Mukmin Brand.

Di bawah ini adalah contoh simbol masjid yang digunakan kepada produk untuk melariskan produk tersebut dalam pasaran.



Simbol Masjid
pada pembungkus
teh



simbol masjid
pada pembungkus
beras



Simbol masjid
Pada tin susu



simbol masjid
pada botol sos

⁶⁵ Article 6ter, Konvensyen Paris 1883. <http://www.wipo.int/treaties> (10 Oktober 2011)., Peraturan 13, 13A, 13B, 14 dan 15, Bahagian IV, Peraturan-Peraturan Cap Dagangan, Akta Cap Dagangan 1976 (Akta 175).

⁶⁶ Bahun cap masjid tiada sijil halal Jakim, Wartawan Sinar Hari, Sinar Harian, 10 Jun 2014. <http://www.sinarharian.com.my/semasa-1.288862> (2 Disember 2014).

⁶⁷ Cap Masjid (Teh) – Jenama Bukan Islam, Memperkasa Ekonomi Ummah, Mukmin Brands. <http://www.mukminbrands.com/2013/05/26-teh-cap-masjid> (2 Disember 2014).

⁶⁸ Cap Masjid (Beras) – Jenama Bukan Islam, Memperkasa Ekonomi Ummah, Mukmin Brands. <http://www.mukminbrands.com/2013/05/26-beras-cap-masjid> (2 Disember 2014).

⁶⁹ Cap Masjid (Susu Krimer) – Jenama Bukan Islam, Memperkasa Ekonomi Ummah, Mukmin Brands. <http://www.mukminbrands.com/2014/04/17-cap-masjid-susu-krimer> (2 Disember 2014).

⁷⁰ Cap Masjid (Sos) – Jenama Bukan Islam, Memperkasa Ekonomi Ummah, Mukmin Brands. <http://www.mukminbrands.com/2014/04/21-cap-masjid-sos> (2 Disember 2014).

Kesimpulan

Isu eksploitasi ke atas pengetahuan tradisi dalam undang-undang harta intelek tidak hanya melalui undang-undang paten, tetapi juga melalui undang-undang hakcipta dan cap dagangan ke atas pengetahuan tradisi dalam bentuk kebudayaan, yang terdiri daripada ungkapan kebudayaan tradisional atau ungkapan budaya rakyat. Pengetahuan tradisi adalah adalah harta intelek yang dimiliki oleh komuniti tempatan dan peribumi yang menjadi warisan kebudayaan mereka. Berlakunya eksploitasi dan monopoli ke atas pengetahuan tradisi adalah disebabkan ia tidak dilindungi oleh undang-undang harta intelek sedia ada. Ini adalah kerana sifat-sifat yang dimiliki oleh pengetahuan tradisi tidak memenuhi kriteria di bawah undang-undang harta intelek antarabangsa atau TRIPS yang mengikat semua negara di dunia. Undang-undang harta intelek antarabangsa adalah berasaskan kepada undang-undang yang bermula di Eropah. Sebaliknya pihak ketiga yang menghasilkan ciptaan mereka dengan menyalahgunakan pengetahuan tradisi dengan apa-apa cara, boleh dilindungi di bawah undang-undang harta intelek sedia ada. Fakta ini adalah berdasarkan kepada kajian yang telah berlaku seperti yang telah dibincangkan.